

Pembangunan tidak bergantung nasib

KUANTAN, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tahap pembangunan yang dicapai pada hari ini, bukan semata-mata bergantung kepada nasib seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

Menurut Perdana Menteri, sifat sadar dan insaf mendorong kerajaan yang memerintah untuk menguruskan pentadbiran dengan lebih cekap, sehingga Malaysia menduduki tempat kelima antara 135 negara membangun yang lain.

"Sebahagian besar negara membangun masih berperang, malah ada yang menjadi lebih mundur dan

rakyatnya hidup dalam keadaan daif, tanpa menikmati sebarang pembangunan.

"Kita seharusnya bersyukur kerana dapat menguruskan pelbagai hasil kekayaan negara dengan begitu cekap dan membentuk sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis memulakan kerja Kompleks Perhentian Bas Kuantan di Jalan Stadium di sini, hari ini. Kompleks empat tingkat itu adalah yang termoden di Pantai Timur dan dilaksanakan secara penswastaaan oleh Majlis Perbandaran Kuantan (MPK).

Kompleks berharga \$22

juta itu dibina oleh ABI Construction Sdn Bhd di kawasan seluas 1.25 hektar dan dijangka siap hujung 1992.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, adalah sukar untuk melaksanakan pembangunan dan mewujudkan perpaduan di kalangan penduduk pelbagai kaum seperti di Malaysia.

"Setiap pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan akan menghadapi tentangan daripada pihak tertentu, tetapi sebenarnya ia adalah untuk faedah semua penduduk.

"Walaupun memang kita bernasib baik kerana tidak menghadapi pelbagai malapetaka seperti gempa bumi, banjir besar

dan ribut taufan, kita sudah menguruskan pentadbiran dengan baik dan mencapai tahap yang memuaskan," katanya.

Beliau seterusnya mengingatkan rakyat supaya mempelajari sejarah pada tahun 1969 yang mana banyak nyawa terkorban kerana kemenangan yang dicapai oleh parti Perikatan terlalu sedikit untuk membentuk kerajaan.

Menurutnya, rakyat yang mahu melihat pembangunan berterusan, seharusnya memastikan Barisan Nasional memperoleh kemenangan dua pertiga daripada jumlah kerusi yang dipertandingkan dalam pilihanraya umum Ahad ini.